

**Kupon makanan belum diputuskan – TPM
Utusan Online
September 23, 2011
Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN**

PUTRAJAYA 22 Sept. - Kerajaan masih belum memutuskan untuk melaksanakan kaedah pemberian kupon makanan atau 'food stamp' kepada golongan berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kajian lanjut berhubung mekanisme pelaksanaannya perlu dilakukan dengan mempelajari pengalaman negara-negara lain yang mengamalkan sistem bantuan untuk rakyatnya.

Kerajaan katanya, perlu melihat apakah implikasi dari segi soal tanggungjawab yang harus dipikul dari segi kewangannya.

"Kajian perlu dibuat merujuk kepada apa yang ada di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan beberapa kajian juga sedang dibuat oleh Kementerian Kewangan.

"Perkara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat akan datang, tidak ada keputusan muktamad tentang perkara itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Bekalan dan Harga kali ke-3, di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Muhyiddin berkata, mesyuarat turut membincangkan cadangan peluasan kawasan penanaman padi sebagai langkah memastikan keselamatan bekalan makanan untuk rakyat di negara ini.

"Bagi memastikan lapisan pengedaran barang makanan yang efisien, FAMA dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia perlu memainkan peranan lebih aktif dalam rantai pengedaran barang makanan untuk memberikan nilai terbaik kepada pengguna," katanya.

Pelaksanaan Kedai Rakyat 1Malaysia di bandar-bandar utama dan program Menu Rakyat 1Malaysia juga dapat membantu meringankan beban kenaikan kos harga barang di negara ini.

Sementara itu, katanya, kerajaan menyokong usaha pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu menganjurkan kursus pengurusan kewangan bagi membantu golongan muda menguruskan kewangan mereka.

Ini kerana, ramai golongan muda yang diisytiharkan muflis kerana terpaksa menanggung hutang terutamanya kad kredit ekoran kegagalan menguruskan kewangan masing-masing.

"Ilmu untuk menguruskan kewangan tidak ada di kalangan anak-anak muda sehingga hutang keliling pinggang, kita mahu mereka bijak menguruskan gaji dan berjimat cermat," katanya.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0923&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm